

PRASANGKA DAN DISKRIMINASI (Part 5)

Izwyn Binti Zulkapri, Khalifah Mastura Binti Hassan & Nurul Sa'adah Binti Sabdin




PERHUBUNGAN KEKELUARGAAN

Prasangka dan diskriminasi juga berlaku dalam perhubungan kekeluargaan tanpa kita sedari. Ini diluahkan oleh seorang anak lelaki yang berusia 16 tahun dalam keluhannya kepada Kamal Abd Manaf dalam buku Masalah dan Penyelesaian dalam Kaunseling Islam 2 (1998). Anak ketiga daripada lima orang adik beradik ini menghadapi masalah benci kepada ibu dan bapanya kerana sering diketepikan. Prasangka ini diperkuatkan lagi apabila beliau memiliki rupa paras yang hodoh dan lembab dalam pelajaran. Ekoran itu beliau meluat melihat ibu bapanya sendiri, berdendam dan berazam untuk bertindak balas di atas perbuatan mereka.

Kesan perbezaan layanan dan perhatian dari kecil merupakan tamparan heban dan akan membawa kepada peringkat dewasa. Merujuk kepada kes ini, ibu bapa anak lelaki ini telah mendiskriminasikannya. Adik beradik beliau yang lain sering mendapat hadiah kerana kejayaan mencapai kecemerlangan dalam pelajaran dan beliau yang biasanya tertinggal di belakang sering ditertawakan oleh adik-beradiknya.

Kesan dari tindakan ibu bapa ini menyebabkan kemesraan kekeluargaan kian hari kian pudar. Jika dibiarkan tanpa kawalan, tindakan ini mampu membawa bencana misalnya, budak lelaki itu mungkin mengamuk lalu membalas dendam terhadap orang tua dan adik-beradiknya. Jika tindak balas diambil secara halus, mungkin apabila cukup dewasa ia akan meninggalkan keluarga lalu melibatkan diri dengan jenayah atau kegiatan tidak bermoral.

Perhubungan kekeluargaan yang erat akan mengelakkan prasangka dan diskriminasi antara ahli keluarga. Perhubungan ini dapat diertatkan melalui aktiviti yang dijalankan bersama-sama seperti berikut;

-  Menonton bersama rancangan televisyen kegemaran mereka.
-  Bantu membuat kerja sekolah atau melihat buku kerja dan latihan mereka. Jika tidak dapat menolong cukup sekadar menunjuk minat pada apa yang mereka belajar.
-  Makan bersama-sama terutama makan malam. Ketika ini cuba mulakan sebarang perbualan berkenaan perkara yang digemari oleh anak-anak. Boleh juga cuba

menyuruh mereka bercerita apa yang berlaku pada hari itu. Sebaik-baiknya televisyen hendaklah ditutup.

- ✚ Menghadiri semua acara sukan dan aktiviti mereka. Kalah atau menang berikan sokongan yang menggalakkan.
- ✚ Bermain bersama-sama permainan kegemaran mereka seperti catur, dam, *scrabble* atau UNO.
- ✚ Keluar bersama sekeluarga melawat saudara mara, berkelah atau menonton wayang.
- ✚ Bersenam bersama-sama.
- ✚ Beribadat bersama-sama seperti sembahyang berjemaah, pergi ke masjid atau menghadiri majlis ilmu bagi yang beragama Islam.
- ✚ Melakukan kerja-kerja rumah bersama seperti mengecat, memasak, membasuh, berkebun atau membeli barang dapur.
- ✚ Hantar dan jemput ke tempat mereka hendak pergi. Semasa dalam kereta izinkan mereka memilih saluran radio.
- ✚ Berbual-bual pendek sebelum mereka tidur sebaiknya ketika ini kita lebih banyak mendengar sahaja. Suruh mereka bercakap tentang pengalaman yang mereka lalui hari itu atau apa saja yang mereka ingin cerita.
- ✚ Membaca bersama. Berkumpul sekeluarga dan setiap seorang mengambil giliran membaca secara kuat.
- ✚ Berkongsi hobi atau menunjukkan minat kepada hobi anak-anak.
- ✚ Bercuti bersama dan libatkan anak-anak dalam proses merancang percutian tersebut.
- ✚ Pelawa kawan-kawan rapat mereka datang ke rumah untuk bermain atau berkumpul di rumah. Jika boleh sediakan makanan dan jangan ganggu mereka cuma perhatikan tingkah laku mereka.
- ✚ Setiap hari katakan mereka disayangi. Berikan penghargaan atau kata-kata perangsang untuk apa yang mereka telah lakukan.

Sebagai kesimpulan, prasangka dan diskriminasi mendatangkan pelbagai elemen negatif dalam perhubungan kekeluargaan. Misalnya hubungan dan komunikasi dengan adik-beradik menjadi renggang, timbul rasa dendam dan benci terhadap ibu bapa. Oleh itu, ibu bapa seharusnya mengambil peluang yang ada untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan. Memandangkan masalah remaja semakin meningkat dan hubungan anak-anak dengan ibubapa semakin renggang apabila mereka meningkat remaja, sesuatu mesti dilakukan terutamanya oleh ibu bapa.

Jangan sangka anak-anak kita yang nampak baik, berbudi-bahasa dan alim di depan kita bersikap demikian juga apabila di belakang kita. Paling mudah untuk mengenali sikap anak-anak kita ialah dengan mengenali kawan-kawan rapat mereka. Walau bagaimanapun, adalah lebih baik jika anak-anak kita dapat bersifat terbuka dan sentiasa telus dengan kita. Namun untuk sampai ke tahap itu perlulah ibu bapa berusaha dari awal lagi untuk memupuk kemesraan kekeluargaan.